

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH 20XX

SAINS

018/1

Kertas 1

September

1 jam

Satu jam

---

### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Kamu dikehendaki menjawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.


Hitamkan jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.

4. Serahkan kertas jawapan objektif kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

---

Kertas soalan ini mengandungi 27 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

- 1 Rajah 1 menunjukkan pengelasan haiwan berdasarkan struktur pernafasan masing-masing.




Rajah 1

Antara yang berikut, yang manakah mewakili M dan N?

	M	N
A	Kelawar	Rama-rama
B	Burung	Tikus
C	Nyamuk	Cicak
D	Katak	Buaya

- 2 Abdullah mendapati banyak pokok padi di sawahnya dimusnahkan oleh tikus. Antara berikut, spesies burung manakah yang boleh membantu Abdullah menyelesaikan masalahnya?
- A Pipit
  - B Helang
  - C Bangau
  - D Kelicap

- 3 Rajah 2 menunjukkan anak-anak ayam dalam sebuah reban.




Rajah 2

Anak-anak ayam itu menjadi lemah selepas dua hari.  
Antara yang berikut, yang manakah boleh menyelesaikan masalah ini?

- A Gantikan anak ayam itu dengan anak ayam yang lain
  - B Letakkan lebih banyak anak ayam ke dalam reban itu
  - C Alihkan beberapa ekor anak ayam ke dalam reban lain
  - D Bekalkan lebih banyak air kepada anak ayam dalam reban itu
- 4 Sekumpulan murid menjalankan satu penyiasatan tentang persaingan antara tumbuhan.  
Antara berikut yang manakah paling utama untuk dipertimbangkan dalam penyiasatan itu?
- A Jenis bekas
  - B Jenis biji benih
  - C Tempat penyiasatan
  - D Jarak antara biji benih

- 5 Diana memelihara beberapa ekor ikan tilapia di dalam sebuah bekas. Selepas tiga bulan, dia mendapati sebahagian daripada ikan-ikan itu tidak membesar. Antara berikut, yang manakah boleh menambahkan saiz ikan-ikan itu?
- A Kurangkan air di dalam bekas itu
  - B Tambahkan pelbagai jenis ikan di dalam bekas itu
  - C Masukkan ikan tilapia itu ke dalam bekas yang lebih menarik
  - D Beri lebih banyak makanan kepada ikan tilapia di dalam bekas itu
- 6 Rajah 3 menunjukkan sistem pernafasan manusia.




Rajah 3

Manakah urutan yang betul bagi pengaliran udara semasa menghembus nafas?

- A Hidung → Trakea → Peparu
- B Mulut → Trakea → Peparu
- C Trakea → Peparu → Mulut
- D Peparu → Trakea → Hidung

7 Rajah 4 menunjukkan empat jenis haiwan.




Rajah 4

Apakah kesimpulan yang paling tepat tentang haiwan-haiwan itu?

- A Memastikan kemandirian spesies
- B Memberi makan kepada anak-anaknya
- C Mempunyai cara pembiakan yang sama
- D Melindungi spesies daripada cuaca yang melampau

8 Rajah 5 menunjukkan satu siratan makanan dalam suatu habitat.



Rajah 5

Antara berikut, yang manakah karnivor?

- A Q dan R
  - B S dan U
  - C T dan V
  - D R dan S
- 9 Rajah 6 menunjukkan reaksi seorang budak lelaki apabila seekor katak tiba-tiba melompat ke arahnya.




Rajah 6

Apakah kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan reaksi budak lelaki itu?

- A Manusia boleh melihat
- B Manusia akan menjerit apabila terkejut
- C Manusia bergerak balas terhadap rangsangan
- D Manusia melindungi diri sendiri daripada bahaya

10 Rajah 7 menunjukkan tiga jenis tumbuhan, X, Y dan Z.



Rajah 7

Antara berikut, yang manakah betul berdasarkan cara perlindungan diri daripada musuhnya?

	<b>X</b>	<b>Y</b>	<b>Z</b>
<b>A</b>	Bulu halus	Duri tajam	Getah
<b>B</b>	Bulu halus	Getah	Duri tajam
<b>C</b>	Getah	Bulu halus	Duri tajam
<b>D</b>	Getah	Duri tajam	Bulu halus

11 Apakah yang dimaksudkan dengan siratan makanan?

- A Hubungan makanan antara hidupan
- B Gabungan dua atau lebih rantai makanan
- C Jenis makanan yang dimakan oleh haiwan
- D Kepentingan keseimbangan bilangan hidupan dalam sesuatu habitat

12 Rajah 8 menunjukkan satu aktiviti haiwan.




Rajah 8

Pernyataan manakah yang betul menerangkan aktiviti ini?

- A Pemiakan haiwan
- B Kepupusan haiwan
- C Interaksi antara hidupan
- D Hidupan melindungi spesiesnya

13 Rajah 9 menunjukkan suatu penyiasatan menggunakan sebuah bekas kaca yang mengandungi beberapa objek.



Rajah 9

Sebatang magnet didekatkan kepada bekas itu.

Klip kertas dan paku tekan tertarik ke arah magnet itu.


Apakah yang dapat dibuktikan oleh penyiasatan itu?

- A Semua logam adalah bahan magnet
- B Bahan magnet tertarik ke arah magnet
- C Magnet hanya boleh menarik klip kertas
- D Tarikan magnet lebih kuat di bahagian kutub



14 Alat manakah yang paling sesuai untuk mengukur aktiviti yang mengambil masa yang pendek?

A



B



C




D




15 Maklumat berikut membandingkan masa yang diambil oleh tiga orang murid untuk menamatkan acara 100 meter.

- \* Masa yang diambil oleh Rizal lebih singkat berbanding Siva dan Fitri
- \* Masa yang diambil oleh Fitri lebih lama berbanding Rizal dan Siva

Carta palang yang manakah mewakili maklumat di atas?



16 Rajah 10 menunjukkan kaedah untuk mengurangkan geseran.




Rajah 10

Apakah R dan S?

	R	S
A	Permukaan bersentuhan yang licin	Alkohol
B	Kusyen udara	Cat
C	Permukaan bersentuhan yang lembut	Lilin
D	Bedak talkum	Gris


- 17 Encik Adam hendak memasang jubin pada lantai pejabatnya.  
Apakah yang perlu dilakukannya sebelum membeli jubin yang diperlukan?
- A Mengukur luas pejabat
  - B Mengukur lebar pejabat
  - C Mengukur isi padu pejabat
  - D Mengukur panjang pejabat
- 18 Rajah 11 menunjukkan Amran sedang mengayuh basikal.



Rajah 11

- Apakah yang perlu dilakukan oleh Amran untuk mencerahkan mentol?
- A Kayuh di atas permukaan yang lebih licin
  - B Gunakan mentol yang lebih besar
  - C Gunakan roda yang lebih besar
  - D Kayuh lebih laju


- 19 Rajah 12 menunjukkan dua orang lelaki cuba untuk menggerakkan sebuah perahu ke pantai.



Rajah 12

Apakah cara terbaik untuk memudahkan kerja itu?

- A Tolak perahu itu
  - B Tarik perahu itu dengan tali
  - C Gunakan troli untuk membawa perahu itu
  - D Letakkan penggolek di bawah perahu itu
- 20 Rajah 13 menunjukkan seorang atlit menjalani latihan memanjat tembok menggunakan tali.




Rajah 13

Apakah yang patut dia lakukan bagi mengelak dirinya daripada tergelincir?

- A Menanggalkan kasut
- B Memakai sarung tangan
- C Membasahkan tapak tangan
- D Menyapu losyen di tapak tangan

21 Rajah 14 menunjukkan penyiasatan tentang sifat gas.




Rajah 14

Apakah sifat gas tersebut?

- A Boleh mengalir
- B Memenuhi ruang
- C Mempunyai jisim
- D Mempunyai isi padu yang tetap

22 Rajah 15 menunjukkan satu persembahan wayang kulit.




Rajah 15

Bayang-bayang terbentuk di atas skrin.


Bagaimanakah saiz bayang-bayang itu boleh dibesarkan?

- A Besarkan saiz skrin
- B Tambah kecerahan mentol
- C Dekatkan patung ke arah skrin
- D Dekatkan patung ke arah mentol


23 Rajah 16 menunjukkan tiga situasi menjemur kain.



W



X



Y

Rajah 16

Manakah urutan yang betul menunjukkan kain yang paling cepat kering kepada yang paling lambat kering?

- A X, Y, W
- B W, Y, X
- C W, X, Y
- D Y, W, X

24 Rajah 17 menunjukkan satu aktiviti.




Rajah 17

Apakah kesan daripada aktiviti ini?

- A Mengeluarkan bau busuk
- B Kualiti air semakin kurang
- C Berlaku pencemaran udara
- D Suhu di kawasan perumahan bertambah



25 Rajah 18 menunjukkan satu aktiviti untuk menyiasat sifat gas.




Rajah 18

Apakah yang akan berlaku kepada asap jika kadbod dikeluarkan?

- A Masih di dalam bekas H
- B Keluar daripada kedua-dua bekas
- C Mengisi ruang hanya di dalam bekas G
- D Mengisi ruang di dalam kedua-dua bekas

26 Rajah 19 menunjukkan penyiasatan tentang pengaliran arus elektrik.




Rajah 19

Apakah yang akan berlaku jika rod besi digantikan dengan rod kaca?

- A Mentol tidak menyala
  - B Rod kaca menjadi panas
  - C Suhu jus limau meningkat
  - D Gelembung-gelembung udara terhasil di dalam bikar
- 27 Azri mahu membawa sebotol air panas ke sekolah. Dia hendak mengekalkan suhu air tersebut.
- Bahan yang manakah paling sesuai digunakan untuk membalut botol itu?
- A Kapas
  - B Plastik
  - C Kertas tisu
  - D Habuk kayu

28 Rajah 20 menunjukkan satu eksperimen.




Rajah 20

Mengapakah belon berubah saiz apabila botol itu dipindahkan daripada bekas J ke dalam bekas K?


- A Belon menjadi sejuk
  - B Haba telah dibebaskan ke udara
  - C Udara mengecut apabila disejukkan
  - D Udara mengembang apabila dipanaskan
- 29 Seorang nelayan mendapat hasil tangkapan ikan yang banyak. Bagaimanakah nelayan itu boleh mengelakkan ikannya daripada menjadi busuk?
- A Bersihkan ikan
  - B Bubuh garam pada ikan
  - C Simpan ikan dalam bekas
  - D Bungkus ikan dengan plastik

30 Rajah 21 menunjukkan sebotol jem yang penutupnya tidak dapat dibuka oleh Azie.




Rajah 21

Rajah manakah menunjukkan cara yang dapat membantu Azie membuka penutup botol itu?



- 31 Rajah 22 menunjukkan susunan radas yang digunakan untuk menyiasat kejadian siang dan malam.




Rajah 22

Lubang manakah pada kotak membenarkan lampu suluh memancarkan sinar pada bola polistirena itu dengan betul?

- A I
- B II
- C III
- D IV

32 Rajah 23 menunjukkan sebahagian daripada Sistem Solar.



Rajah 23


Apakah yang akan berlaku sekiranya Bumi berada di X?

- A Oksigen bertambah
- B Suhu menjadi rendah
- C Udara bertambah panas
- D Cahaya matahari menjadi lebih terang

33 Maklumat manakah yang berkaitan dengan kejadian fasa-fasa Bulan?

- A Putaran Bulan pada paksinya
- B Peredaran Bulan mengelilingi Bumi
- C Bulan memancarkan cahayanya sendiri
- D Bulan berada di antara Bumi dengan Matahari

34 Rajah 24 menunjukkan suatu pengelasan planet-planet.




Rajah 24

Apakah S dan T?

	S	T
A	Marikh	Bumi
B	Neptun	Uranus
C	Uranus	Marikh
D	Bumi	Neptun


[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

35 Rajah 25 menunjukkan fenomena Gerhana Matahari.




Rajah 25

Antara carta palang berikut yang manakah mewakili bahagian Matahari yang dapat dilihat ketika gerhana?





36 Rajah 26 menunjukkan peta Semenanjung Malaysia.




Rajah 26

Jika seorang pelayar belayar dari Pulau Langkawi ke Pulau Pinang, buruj manakah yang boleh membantunya menuju ke arah yang betul ?


A



B




C



D



- 37 Adam sedang berdiri di atas puncak sebuah bukit. Dia ingin melihat sekolahnya yang terletak 1 km dari bukit itu.  
Alat yang manakah sesuai digunakan untuk melihat sekolahnya dengan jelas?
- A Teleskop
  - B Binokular
  - C Mikroskop
  - D Kanta pembesar
- 38 Apakah maksud mesin ringkas?
- A Satu cara untuk melakukan kerja dengan lebih mudah
  - B Alat yang digunakan untuk menggerakkan kotak yang berat
  - C Kaedah yang digunakan untuk mengangkat beban yang berat
  - D Alatan yang menggunakan sedikit daya bagi memudahkan kerja
- 39 Rajah 27 menunjukkan suatu model dibina menggunakan surat khabar.




Rajah 27

Apakah faktor yang mempengaruhi kestabilan model itu?

- A Tinggi dan luas tapak
- B Luas tapak dan bentuk
- C Tinggi dan bahan yang digunakan
- D Bentuk dan bahan yang digunakan

40 Rajah 28 menunjukkan gear pada basikal Eddy.



Rajah 28

Apakah yang akan berlaku apabila rantai dipindah dari gear V ke gear W?

- A Kelajuan bertambah
- B Daya kayuhan berkurang
- C Jarak perjalanan lebih singkat
- D Arah pergerakan berubah

**KERTAS SOALAN TAMAT**

